

# Asalkan tidak emosi, melulu

Um - 9/12/2021 m/s: 3

Oleh **SAYED HESHAM IDRIS**  
utusannews@mediamulia.com.my

**TANJUNG MALIM:** Pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) boleh bersifat kritis dan kritikal dalam menyuarakan pandangan mereka terhadap kerajaan tetapi perlu berfakta.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, pandangan yang diberikan juga tidak secara beremosi dan melulu.

Kata beliau, pelajar bagaimanapun perlu bertanggungjawab terhadap tindakan dan pandangan yang dikeluarkan dan mesti mempunyai fakta serta bukti.

"Apabila bertemu dengan pemimpin pelajar, salah satu soalan ditanya bolehkah kami bersikap kritis dan kritikal terhadap kerajaan.

"Saya kata boleh meluahkan perasaan dan pandangan apa yang dilakukan oleh kerajaan.

"Yang penting perlu bertanggungjawab setiap tindakan dan apa dikeluarkan oleh pelajar mesti mempunyai fakta," katanya.

Beliau berucap pada perasmian Keluarga Malaysia Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) di Dewan Tuanku Canselor Universiti

Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di sini semalam.

Ismail Sabri berkata, sebab itu kerajaan hari ini mengiktiraf peranan anak muda.

Menurutnya, ia dibuktikan apabila meluluskan Undi-18 yang memberi peluang kepada golongan berkenaan menentukan dan memilih siapa yang bakal menjadi pemimpin negara.

Beliau berkata, ramai yang tidak yakin dan skeptikal terhadap keputusan kerajaan itu kerana dianggap mereka masih terlalu mentah untuk menentukan pemimpin negara.

"Tetapi kerajaan yakin dengan kemampuan anak muda dan mahu mereka menentukan siapa yang berhak jadi pemimpin," katanya.

Perdana Menteri berkata, bermula 1 Januari ini semua anak muda berusia 18 tahun ke atas, secara automatik akan menjadi pengundi.

"Kalau Pilihan Raya Umum (PRU) diadakan (nanti) kita pastikan mereka boleh mengundi untuk menentukan masa depan negara," katanya.

Ismail Sabri turut mengemukakan penubuhan Pusat Penyelidikan dan Pendidikan Keluarga Malaysia di UPSI.



**ISMAIL Sabri Yaakob** turut meluahkan masa beramah dengan pelajar dan petugas UPSI di Tanjung Malim, Perak, semalam. - UTUSAN/  
**ZULFACHRI ZULKIFLI**